

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 20 BILANGAN 1 RABU 1HB. JANUARI, 1975.

1394

ذوالحججه

17

رابع

PERCHUMA

K'sama raayat perlu bagi membangun negara — titah D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei mengingatkan kepada semua raayat dan penduduk negeri ini supaya terus menerus memberikan kerjasama sepenoh-nya kepada Kerajaan Baginda untuk membangun dan memajukan negeri ini.

Dalam titah perutusan tahun baru 1975, ini Baginda menekankan bahawa tahun 1974 telah memperlihatkan kepada kita berbagai2 kejadian yang mana akan menjadi pengalaman yang boleh dijadikan pedoman pada menghadapi masaalah2 kehidupan kita pada masa akan datang.

Duli Yang Maha Mulia berasa gembira kerana dengan berkat usaha Kerajaan Baginda dan kerjasama dari raayat, Negeri Brunei telah dapat menghadapi berbagai ancha-man dan chabaran yang asing bagi kita yang di-datangkan dari luar negeri.

Baginda bertitah, dengan berkat usaha dan tenaga semua pehak yang berkenaan, raayat negeri ini telah dapat mencapai kemewahan hidup tanpa mengalami kesukaran2.

"Beta sukachita bahawa kita sudah pun mempunyai asas untuk menentukan kejayaan kita dalam menempoh tahun 1975 yang mana beta perchaya akan memperlihatkan kepada kita rupa bentuk masaalah2 yang akan kita hadapi beberapa tahun yang akan datang", titah Baginda.

Baginda menambah, sa-bagaimana yang kita semua maklum bahawa negeri Brunei akan melaksanakan Rancangan Kemajuan Negara yang baru dan Baginda yakin dengan semangat dan kemahuan semua raayat pada memperkukuhkan usaha bersama, akan pasti mendatangkan hasil yang chemerlang.

Akhir-nya Baginda mengucapkan setinggi2 penghargaan kepada pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, pasokan

Pulis Diraja Brunei dan pasukan tentera Paduka Seri Baginda Queen kerana usaha mereka yang tidak putus2 dalam bidang keselamatan dan Baginda berharap semoga mereka itu akan sentiasa menumpukan usaha2 pada mempertahankan kedaulatan negeri ini.

Baginda juga menyampaikan terima kasih kepada pegawai2 Kerajaan Baginda dan raayat serta penduduk negeri ini kerana memberikan kerjasama dalam bidang masing2 sepanjang tahun lalu.

(Titah Duli Yang Maha Mulia sepenoh-nya di-siarkan di-muka 4).

Uchapan tahun baru dari T.Y.T. P'jaya Tinggi British

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Laila Utama Peter Gautrey dalam ucapan tahun baru-nya telah menyampaikan ucapan selamat tahun baru kepada Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan, kerabat2 Diraja serta raayat dan penduduk negeri ini.

Tuan Yang Terutama berkata, ini ada-lah kali yang terakhir bagi beliau menyampaikan ucapan kepada seluruh raayat dan penduduk negeri ini kerana beliau dan isteri-nya akan meninggalkan Brunei tidak beberapa lama lagi sa-telah menamatkan tempoh perkhidmatan-nya di-negeri ini.

Tuan Yang Terutama menegaskan bahawa dalam masa tiga tahun beliau dan Datin



Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa ketika berucap sa-belum merasmikan Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri pada hari Khamis lalu.

Pmk. SUK rasmi Kongres Agong MBB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Umar akan merasmikan Kongres Agong Perwakilan Belia, ber-

tempat di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada pagi ini jam 8.45 pagi.

Antara perkara2 yang akan di-bincangkan dalam kongres itu, termasuk-lah memilih lima orang jawatankuasa tertinggi Majlis Belia2 Negeri Brunei yang bertugas untuk tahun 1975-76.

Jawatan2 itu ia-lah Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Setiausaha Agong, Pengerusi Tetap dan Benda-

harian. Sementara itu, Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Setia Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohammad Yusof, akan memberikan chera-mah mengenai peranan Pejabat Kebajikan, Belia dan Sokan terhadap kemajuan Belia2 di-Brunei, pada jam 2.00 petang hari ini.

3,283 masuk sekolah tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 3,283 orang kanak2 termasuk 1,587 kanak2 perempuan yang dilahirkan sa-belum 1hb. Januari 1970 akan memulakan persekolahan rendah mereka

di-sekolah2 Melayu di-seluruh negeri awal bulan ini.

1,976 orang dari mereka ada-lah dari Daerah Brunei Muara, 574 dari Daerah Belait, 568 dari Daerah Tutong dan 168 dari Daerah Temburong.

Sumbangan Pengakap kapada masharakat

TEMBURONG. — Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Ibrahim menegaskan, dalam melaksanakan kegiatan2, persatuan pengakap harus sentiasa menyedari akan keperluan2 masharakat kita hari ini.

Kata-nya, segala kegiatan2 patut-lah di-asaskan kepada keperluan2 itu, supaya persatuan pengakap akan dapat memberikan sumbangan yang lebeh berkesan kepada masharakat yang mendokong-nya.

Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa telah berucap demikian, semasa merasmikan Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri di-Karangan dalam Daerah Temburong pada hari Khamis lalu.

Yang Teramat Berhormat itu berkata, ada-lah kena pada tempat-nya bagi penggunaan tema "Perpaduan" dalam perkhemahan kali ini, terutama dengan ada-nya Rancangan Kemajuan yang baru. Minat dan semangat yang ditunjukkan ada-lah mencherminikan kesungguhan dan kechenderongan serta ka-relaan para belia negeri ini dalam mengusahakan perkara2 yang bermunafaat.

Yang Teramat Berhormat melahirkan harapan, supaya pehak2 berkewajipan dalam persatuan budak2 pengakap mengator langkah dalam membuat rancangan bagi kebaikan dan kegunaan terhadap negara keseluruhannya.

Yang Teramat Berhormat juga mengucapkan sa-tinggi2 tahniah kepada pehak penganjor atas usaha yang di-tunjukkan dan menegaskan, persatuan2 pengakap supaya dapat melaksanakan projek yang berlainan chorak seperti memperbaiki dan membersekan kawasan pusat pengakap, melaksanakan projek2 latehan guna membolehkan budak2 pengakap memainkan peranan

(Lihat muka 5)



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Zain.

Agama unsur pembangunan dan membentok sa-buah masharakat yang kukoh bersatu padu dan makmor

BERIKUT ini ia-lah ucapan sepenoh Pengerusi Pegawai Hal Ehwal Agama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin dalam Majlis Penyampaian Hadiah2 Maktab Perguruan Agama Seri Begawan yang di-adakan pada 18hb. Disember lalu.

ALHAMDULILLAH shukor kehadzarat Allah Subhanahu Wata'ala selawat dan salam kepada Junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. serta sahabat2 dan pengikut2 Baginda yang setia lagi jujur.

Dalam majlis memulakan kursus di-Maktab ini pada 9hb. Januari, 1972 di-antara lain saya telah mengingatkan kepada semua penuntut2 di-Maktab ini mengenai dengan empat perkara, ringkasnya seperti berikut:—

Pertama: penuntut2 hendaklah melayakan diri sa-bagai Guru2 Agama yang terlatih,

Kedua: penuntut2 lepasan Maktab ini hendaklah mempunyai kecekapan yang berkesan dalam menyampaikan pelajaran dan pengetahuan kepada murid2,

Ketiga: penuntut2 hendaklah mempunyai akhlak yang senonoh menurut ajaran2 Agama Islam,

Ke-empat: penuntut2 hendaklah sentiasa berusaha pada menambahkan pengetahuan dan pengalaman khasnya dalam ikhtisas bidang perguruan.

Saya berfikir bahawa keempat2 ingatan saya itu adalah maseh boleh di-pakai hingga sekarang dan perlu-lah sentiasa di-ingat oleh penuntut2 yang maseh belajar di-Maktab ini untuk di-jadikan panduan bagi mencapai tujuan asas Maktab ini ia-itu untuk melateh dan mengadakan Guru2 Agama yang layak lagi sesuai bagi mengajar mata2 pelajaran Agama.

Agama Unsur Pembangunan

Agama Islam bagi kita di-Brunei ini ada-lah menjadi salah satu unsur yang mendukung pembangunan dan pembentokkan sa-buah masharakat yang kukoh serta bersatu padu dan ma'mor tanpa mengira rupa bangsa dan asal usul, yang mana masharakat yang sa-demikian di-antara sifat2-nya akan mencapai matlamat pada memupok dan memperluaskan serta di-bantu pula oleh Agama Islam sa-bagai satu chara hidup yang lengkap.

Kehendak2 Manusia

Maka dalam bidang pembangunan bukan saja usaha2

di-tumpukan pada menitek beratkan kepada kemajuan di-bidang ekonomi kerana kehendak2 manusia2 itu ada-lah berbagi2 dan bermacam2, umpama-nya:—

1. Manusia berkehendakkan makan, pakaian dan tempat tinggal, maka bidang ekonomi memainkan peranan yang penting.

2. Manusia berkehendakkan pendidikan jenis-nya, maka bidang kejetinaan memainkan peranan-nya,

3. Manusia mempunyai daya pemikiran dan kemahuan dan ingin mendapatkan pengetahuan, maka bidang saikologi memainkan peranan-nya,

4. Manusia sifat-nya hidup bersosial dan terikat oleh keadaan sekeliling-nya dalam bergaul, maka bidang sosiologi memainkan peranan-nya,

5. Manusia berkehendakkan kepuasan pemikiran-nya kerana ia berintelektual, oleh itu sebab musabab atau sains rasional di-perlukan bagi memenohi kehendak2 tersebut.

6. Manusia ada-lah juga bersifat moral dan berspiritual, membedzakan baik dari yang burok, dan mempunyai satu kecenderungan tabie untuk menchapai realiti2 di-luar kemampuan fikiran-nya, kerana itu perkara2 moral dan spiritual ada-lah di-kehendaki oleh manusia, maka bidang ini agama dan keperchayaan memainkan peranan-nya.

Chara Penyelesaian Masa'alah

Maka dengan misalan2 di atas tadi dapat kita simpulkan bahawa manusia itu mempunyai banyak kehendak, dan kehendak2-nya itu mempunyai bidang2 yang khusus untuk memenohi dan menyelesaikan-nya, kerana itu-lah dalam bidang pembangunan ada-lah sangat2 perlu di-adakan kesaimbangan dalam memenohi kehendak2 manusia.

Dalam pada itu, jika pembangunan tidak menitek beratkan kepada kemajuan ekonomi maka pembangunan yang sa-demikian boleh merupakan satu khayalan saja, tetapi jangan-lah di-lupakan bahawa kalau perhubungan di-ambil untuk menyelesaikan semua masa'alah hidup manusia menurut ekonomi dan sistem penyelesaian ekonomi sahaja, maka kita tidak akan hairan bahawa penyelesaian yang sa-demikian akan berakhir dengan kekechauan dan kehanjuran khas-nya di-bidang moral dan spiritual manusia itu sendiri.

Dasar Pendidikan

Maka pembangunan dan pembentokkan masharakat yang di-

chita2kan itu ada-lah berkait rapat dengan dasar2 dan tujuan2 pendidikan, oleh itu kita perlu melihat dasar pendidikan negara kita.

Dasar Pelajaran Baru, menurut Surohanjaya Pelajaran 1973 di-antara lain ia-lah untuk memberikan kepada semua anak2 Brunei segala kemungkinan peluang demi menjadikan diri mereka berguna untuk perkembangan negara, dan untuk menimbulkan suatu identiti kebangsaan sa-bagai tapak pertumbuhan rasa ta'at setia kepada Brunei dan juga membangun kecekapan untuk memenohi kehendak2 pembangunan negara.

Dari tujuan tersebut dapat di-simpulkan bahawa perkembangan dan pembangunan negara berkehendakkan kepada anak2 Brunei yang mempunyai kecekapan dan mempunyai rasa ta'at setia kepada Brunei.

Kecekapan2 yang di-kehendaki dalam bidang pembangunan dan perkembangan termasuklah pada meneguhkan memperbaiki dan selanjut-nya membangun ekonomi, sosial dan kehidupan budaya 'ra'-ayat Brunei dengan mengutamakan di-antara lain pada memperaneka jenisnya supaya ekonomi itu melalui perkembangan pertanian dan perusahan yang pesat.

Pekerja Luar Negeri

Dalam laporan Banchi Penduduk Brunei 1971 terdapat jumlah pekerja ia-lah sa-ramai 40,012 orang, dari jumlah tersebut terdapat 13,138 orang pekerja luar negeri yang mana jumlah pekerja luar negeri itu merupakan sa-banyak 33% dari jumlah pekerja di-Brunei.

Kebanyakan pekerja luar negeri ia-lah bekerja di-perusahaan pembinaan (40%) dari jumlah pekerja luar negeri) dan di-bidang perusahaan perkhidmatan (29%). Mengikut jenis pekerjaan, pekerja luar negeri yang terbanyak ia-lah pekerja2 pembinaan seperti tukang batu, tukang susun batu bata, tukang simen, tukang kayu dan sa-bagai-nya yang berjumlah 2,595 orang. Di-bandingkan dengan jumlah pekerja di-Brunei di-dapati 65% daripada jumlah pekerja dalam pembinaan ia-lah pekerja luar negeri.

Kecekapan

Nampak-nya dari gambaran statistik ini ternyata bahawa anak2 Brunei tidak dapat memenohi keperluan2 yang berkehendakkan kecekapan2 di-bidang2 yang dinyatakan tadi.

Maka jika keadaan ini berlanjutan maka hasrat perkembangan dan pembangunan sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh dasar pelajaran baru di-khuatiri akan menjadi ristaan sahaja.

Oleh itu salah satu chara untuk mengatasi-nya ia-lah kita berkehendakkan kepada Guru2 yang boleh membimbing murid2 pada menimbulkan minat supaya mereka berlumba2 memasoki bidang2 kecekapan yang di-kehend-

daki oleh negara itu sa-bagai anggota masharakat yang bertanggung jawab dan memberikan sumbangan kepada perkembangan dan pembangunan negara sesuai dengan kecekapan mereka.

Ta'at Setia

Mengenai dengan rasa ta'at setia kepada Brunei maka perkara ini amat-lah mustahak-nya, kita perlu kepada sa-uap ra'ayat berbangsa dengan negara-nya dan bersedia mempertahankan negara-nya dari sa-orang anasir yang cnuoa mengachau, maka pendidikan yang sa-demikian amat mustahak di-salurkan kepada anak2 yang maseh di-bangku sekolah.

Manusia Pembangunan

Segala kehendak2 perkembangan dan pembangunan negara ada-lah di-chita2kan supaya ia di-dokong dan di-penohi oleh ra'ayat Brunei sendiri, kerana itu pendidikan khas-nya kepada anak2 mustahak-lah di-tumpukan kepada melahirkan manusia2 pembangunan, sebab anak2 ada-lah manusia yang akan menjadi pelaksana pembangunan dan perkembangan negara, dan sa-rentak dengan itu ia di-kehendaki untuk menjadi pembangunan, kerana itu anak2 itu sendiri perlu di-bangunkan terlebih dahulu untuk menjadi manusia pembangunan.

Pembangunan dalam bidang pendidikan hendaklah jangan di-lupakan, chita2 agar manusia dapat hidup sesuai dengan meribat-nya sa-bagai manusia yang mempunyai kehormatan dan mempunyai tanggung jawab, dan kewajipan dalam hidup-nya kepada Allah, kepada diri-nya sendiri, kepada keluarga-nya, kepada masharakat-nya, kepada negara-nya, dan bagi kita di-Brunei ia-lah kepada Brunei Darussalam yang mempunyai Sultan di-dalam-nya.

Keturunan Akan Datang

Sa-sudah itu ada baik-nya kita memerhatikan firman Allah Subhanahu Wata'ala ayat 9 dari Suratun Nisa yang bermaksud "Dan hendaklah mereka itu takut, kalau2 mereka itu meninggalkan dibelakang mereka anak chuchu yang lemah2 yang maseh khuatirkan terhadap kesejahteraan mereka, oleh itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka menguchapkan perkataan yang benar".

Ayat tersebut memberikan peringatan kepada kita supaya kita berusaha jangan sampai meninggalkan anak chuchu kita dalam keadaan lemah, dalam keadaan miskin, dalam keadaan menderita.

Takwa Kepada Allah

Bagi menjauhkan perkara2 yang sa-demikian, maka usaha2 yang di-dokong oleh sa-genap pehak hendaklah di-buat khas-nya pada memperkuat asas2 pendidikan, pada memberi kerjasama yang berkesan kepada sekolah2 agar pendidikan berjalan dengan lancar dan teratur, kerjasama itu hendaklah di-tumpukan pada mencapai sifat Takwa kepada Allah, kerana sifat Takwa itu perlu ada pada diri masing2, khas-nya kepada pemimpin2, pegawai2, guru2, ibu2 bapa dan penjaga2 murid, kerana tanpa Takwa kepada Allah, maka ada-lah di-khuatiri timbul-nya sifat bermuka2 sifat papat di-luar rinchong di-dalam. Dan hendaklah ada juga kepada mereka sifat mendokong kebenaran, benar pada perkataan, benar pada perbuatan dan kaulahan jangan lain di-mulut lain di-hati, kerana sifat lidah berchabang dan bertaman tebu di-tepi biri adalah hampir kepada sifat orang munafik. Demikian yang dapat saya fahamkan daripada ajaran ayat Al-Qur'an itu tadi.

Maka sa-lagi kita bertakwa kepada Allah, dalam eritkata yang sebenar-nya dan kita bersifat benar dan jujur, maka insya Allah generasi kita yang akan datang tidak akan melarat dan tidak akan menderita, kerana demikianlah yang di-ajarkan oleh Allah.

Maka ada-lah menjadi kewajipan generasi sekarang menyediakan kecekapan2 dan kemudahan2 serta bekalan2 yang cukup kepada generasi2 akan datang untuk menghadapi masa depan mereka, kerana itu kita perlu menimbulkan manusia2 pembangunan yang sanggup berusala dengan penoh kecekapan2 yang bertakwakan kepada Allah menghadapi hari yang akan datang.

Tanggung Jawab

Siapa yang bertanggung jawab untuk menimbulkan manusia2 pembangunan itu? Tanggung-jawab yang besar terletak kepada ibu bapa dan penjaga2 murid, tetapi tanggung jawab yang lebeh besar dan sa-chara langsung terletak di atas bahu guru2 semasa murid2 berada di-dalam jagaan mereka. Maka guru2 bertanggung jawab untuk membentok supaya murid2 mereka menjadi manusia pembangunan, dan guru2 ugama lebeh berat lagi tugas mereka, kerana mereka di-kehendaki membimbing murid2 mereka untuk menjadi manusia pembangunan yang takwa kepada Allah dan benar serta jujur dalam perkataan dan tingkah laku mereka.

Lepasan Maktab

Maktab Perguruan Agama Seri Begawan telah hampir tiga tahun memulakan kursus-nya dan pada tahun 1975 Maktab Perguruan Agama ini akan mula mengeluarkan Guru2 Agama terlatih menurut peringkat2-nya.

Kelahiran mereka ada-lah ditunggu2 bagi mengisi perkembangan dan pembangunan negara khas-nya di-bidang keagamaan.

Saya perchaya peranan Guru2 Agama dalam menghadapi suasana Brunei yang sedang membangun ini makin sa-hari sa-makin berat, tetapi insya Allah selagi Guru2 Agama sentiasa berusaha pada meluaskan ilmu pengetahuan mereka, sa-lagi Guru2 Agama mempertinggi mutu ikhtisas mereka, dan sa-lagi Guru2 Agama dapat menjadi chontoh dalam bidang akhlak dan kaulahan mereka dan sa-lagi Guru2 Agama mempertahankan peribadi mereka, maka saya perchaya kita tidak akan meninggalkan anak2 chuchu yang lemah bahkan saya perchaya sa-lagi Guru2 Agama mempunyai sifat2 yang sa-demikian anak2 Brunei di-masa yang akan datang akan merupakan manusia2 pembangunan yang takwa kepada Allah dan jujur yang mempunyai kecekapan dan rasa ta'at setia kepada Brunei Darussalam yang mempunyai Sultan di-dalam-nya sesuai dengan kehendak2 perkembangan dan pembangunan yang di-redzai oleh Allah.

Saya sebenar-nya memerhatikan perjalanan Maktab Perguruan Agama ini dengan penoh minat dan saya mengetahui akan usaha2 Pengetua, tenaga2 pengajar dan kami tangan Maktab ini dalam menemop masa'alah2 yang di-hadapi, mereka telah berkhidmat dengan bersemangat, hati2 dan jujur, dan Maktab ini berjalan dalam keadaan yang baik dan penoh kecekalan.

Saya sebenar-nya memerhatikan perjalanan Maktab Perguruan Agama ini dengan penoh minat dan saya mengetahui akan usaha2 Pengetua, tenaga2 pengajar dan kami tangan Maktab ini dalam menemop masa'alah2 yang di-hadapi, mereka telah berkhidmat dengan bersemangat, hati2 dan jujur, dan Maktab ini berjalan dalam keadaan yang baik dan penoh kecekalan.

Saya sebenar-nya memerhatikan perjalanan Maktab Perguruan Agama ini dengan penoh minat dan saya mengetahui akan usaha2 Pengetua, tenaga2 pengajar dan kami tangan Maktab ini dalam menemop masa'alah2 yang di-hadapi, mereka telah berkhidmat dengan bersemangat, hati2 dan jujur, dan Maktab ini berjalan dalam keadaan yang baik dan penoh kecekalan.

Guru2 Agama Pelateh

Dalam perjalanan-nya Maktab ini sejak mula menjalankan kursus-nya ia telah menerima Guru2 Agama Pelateh di-samping pemegang2 Sijil SPM dan Sijil SPU Brunei di-tambah lagi dengan satu kursus khas bagi Guru2 Agama Tidak Terlatih, mengenai dengan Guru2 Agama Pelateh, maka dengan masuk-nya Guru2 Pelateh pada awal tahun 1975 ka-Maktab ini maka mereka merupakan kumpulan terakhir Guru2 Agama Pelateh yang masuk Maktab ini dan juga akan berakhir lah jawatan Guru2 Agama Pelateh itu pada tahun 1975.

Kursus Lanjutan Ilmu Fikih

Dalam majlis ini saya ingin mengumumkan bahawa pada tahun 1975 Maktab Perguruan Agama Seri Begawan akan melangka lagi sa-tapak ka-hadapan ia-itu

(Lihat Muka 6)

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Tingkatan Enam yang pertama bagi penuntut2 Tingkatan Enam akan di-buka dalam penggal pertama persekolahan dalam bulan Januari ini dan antara lima hingga 10 tahun dari sekarang Negeri Brunei akan mempunyai universiti college dan maktab pelajaran-nya sendiri.

Pengarah Pelajaran, Yang Dimulihkan Pehin Datu Laila Didekan Dato Seri Laila Jawa A.D. Bumford berkata Pusat Tingkatan Enam itu akan di-buka di-bangunan sementara di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan di-Jalan Muara dengan penuntut2-nya dari Tingkatan Enam bawah dari sekolah2 Kerajaan yang menunggukan masa kenaikan-nya ka-Tingkatan Enam Atas.

Apabila keputusan peperiksaan "O" level di-ketahui, penuntut2 Tingkatan Lima yang berjaya akan memasuki Tingkatan Enam.

BRUNEI AKAN MEMPUNYAI UNIVERSITI COLLEGE DLM TEMPOH 5-10 TAHUN

PUSAT TINGKATAN ENAM DI-TUBOHPKAN MULAI TAHUN INI

ya-nya saperti mengajar ter-lalu ramai penuntut yang gagal dalam tingkatan tiga.

Ranchangan Kemajuan Lima Tahun sudah pun bergerak untuk menyediakan pekerjaan dan latihan bagi mereka yang berhenti persekolahan dalam tingkatan tiga.

Yang Dimulihkan Pehin Datu Laila Didekan berkata, awal tahun lalu beliau telah pergi ka-Britain dan telah mengambil 40 orang guru yang terlatih bagi mengajar di-tingkatan enam.

Sa-ramai 20 orang daripada-dada-nya di-jangka tiba dalam bulan ini sementara 12 orang lagi tiba menjelang bulan Julai.

Pada masa2 sudah penuntut2 Brunei telah menyambong pelajaran-nya di-Britain atau di-lain2 negeri Commonwealth untuk mengambil peperiksaan "A" level. Ada-lah di-harapkan bahawa mulai tahun ini dan seterusnya penuntut2 Brunei akan menyempurnakan kursus "A" level-nya di-Brunei berikutan adanya darjah tingkatan enam dan guru2 yang terlatih.

Ini akan menjimatkan kewangan Brunei. Seluruh tujuan pusat tersebut ia-lah un-

tok mengirinkan ka-Britain hanya penuntut2 yang layak bagi pengajian universiti.

Awang Saman bin Kahar akan menjadi Pengetua pusat itu sementara timbalan Pengetua ia-lah Awangku Mat Zain. Kedua2-nya ada-lah kelulusan universiti dengan pengalaman mengajar darjah tingkatan enam.

Yang Dimulihkan Pehin Datu Laila Didekan berkata pusat tersebut akan di-tempatkan sementara di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan di-Jalan Muara. Bagaimana pun tanah sa-luas 75 ekar telah di-sediakan dekat Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkuah di-Gadong. 35 ekar dari kawasan itu di-untukkan bagi pusat baru tingkatan enam, sementara kawasan 40 ekar lagi ia-itu bagi universiti college yang di-gagaskan, yang akan di-mulakan lima hingga 10 tahun dari sekarang.

Universiti College itu akan mempunyai jabatan2 dalam semua mata pelajaran yang

akan menolong bagi kemajuan negara dan penuntut2 akan di-latih bagi pekerjaan2 yang boleh di-dapati di-Brunei.

"Kami tidak ingin kelebih beban ka-atas diri dengan mempunyai terlalu banyak penuntut. Keperluan utama kami dalam graduate ia-lah bagi doktor dan guru2 dan akan di-berikan segera biasiswa kepada mereka yang belajar dalam bidang2 tersebut.

"Ini tidak-lah bererti tidak akan di-adakan biasiswa bagi lain2 jurusan, tetapi penuntut2 akan di-perlukan untuk memberikan bakti kepada jawatankuasa biasiswa bahawa apa yang mereka benar2 belajar akan memberi faedah kepada negara. Badan jawatankuasa itu hendak-lah di-berikan keyakinan bahawa apabila mereka pulang ka-Brunei akan ada pekerjaan dalam jurusan itu.

"Atas nasihat Universiti Singapura kita tidak akan memulakan kuliah perubatan. Ini ada-lah terlalu mahal dan ada-lah baik untuk menghantar penuntut2 jurusan perubatan ka-Britain. Ini juga mungkin bagi penuntut2 jurusan kejuruteraan awam.

Sa-beberapa jauh yang kita boleh kita akan menyesuaikan penuntut2 masuk ka-kuliah2 kita sendiri.

Pusat tersebut akan mempunyai kemudahan2 yang akan membawakan penuntut ka-jurusan pengajaran dan ini akan termasuk kebanyakan mata2 pelajaran art, bahasa Melayu, agama, fizik, kimia, dan kaji-hayat.

Ini akan bererti bahawa penuntut2 yang bakal menjadi doktor boleh mengambil kursus pra-universiti-nya di-Brunei sa-belum pergi ka-Britain untuk kelayakan-nya.

Pengarah Pelajaran itu berkata, ada-lah di-harapkan untuk meningkatkan taraf kelayakan masok supaya hanya penuntut2 yang lulus "O" level sahaja yang akan belajar di-tingkatan enam kemudian ka-universiti tetapi persediaan mesti-lah di-buat bagi yang lambat maju. Dengan di-sebalkan sa-seorang penuntut itu tidak mempunyai lima "O" level tidak bererti yang dia tidak memperoleh tiga "A" level.

Yang Dimulihkan Pehin

Datu Laila Didekan Dato Seri Laila Jawa A.D. Bumford berkata, kami tidak akan chuba memperkatakan dengan pembentokan sa-buah universiti College sa-hingga kita mempunyai pertolongan yang begitu khusus sekali

"Walau pun dengan maktab tingkatan enam kita memerlukan nasihat ahli mengenai bangunan yang akan di-perlukan ia-nya bukan-lah saperti bangunan biasa.

"Kita mengharapkan supaya tingkatan enam boleh masok ka-bangunan baru-nya dalam tahun 1976.

Tahun ini tawaran akan di-keluarkan. Sa-juah ini wang sa-banyak \$10 juta telah diperuntukkan bagi Pusat Tingkatan Enam, tetapi saya tidak fikir itu telah boleh men-chukopi perbelanjaan.

Apabila tingkatan enam dan universiti College di-bina di-samping Maktab Perguruan yang ada sekarang, Gadong merupakan sa-buah pusat kawasan pelajaran.

Maktab Perguruan yang pada masa ini hanya mengeluarkan sijil2 pelajaran di-tingkatkan kepada sa-buah Maktab Pelajaran dan akan memberikan diploma dalam pelajaran kepada lepasan universiti.

Yang Dimulihkan Pehin Datu Laila Didekan berkata, sa-bagai permulaan universiti itu akan di-buka untuk penuntut2 Brunei sahaja. Kita tidak ingin menghadapi bahaya dengan memperkenalkan pengaruh penuntut2 luar sa-hingga kita dapat mengatasi masalah kita sendiri.

"Kita tidak ingin penuntut2 di-Brunei dari negara yang lebeh aktif di-segi politik. Kita telah melihat apa yang telah berlaku baru2 ini di-Singapura.

Meskipun kompleks Gadong akan menerima penuntut2 yang boleh maju dalam jurusan akademik maseh ada harapan bagi mereka yang lebeh bersifat praktikal.

Pada masa ini ada dua buah maktab teknikal, satu daripada-nya di-Kuala Belait dan sa-buah lagi di-Daerah Brunei-Muara yang menghasilkan pekerja2 yang mahir.

Sa-buah maktab teknikal yang di-chadangkan di-Tutong akan bererti bahawa mereka boleh memajukan lagi kemahiran-nya hingga ka-sijil Tinggi Kebangsaan atau pada peringkat diploma. Ini juga berarti Brunei mempunyai ahli2 teknik-nya sendiri untuk bekerja di-dalam perusahaan2 yang akan di-bentok mengikut Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang baru.

ADA-LAH di-maalamkan kepada penuntut2 Tingkatan Enam Bawah tahun 1974 dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan dari Sekolah Menengah Arab bahawa mereka di-kehendaki datang ka-Pusat Tingkatan Enam di-bangunan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara pada hari Ahad 5hb. Januari dan bukannya pada hari ini 1hb. Januari, 1975.

Penuntut2 itu di-kehendaki datang dengan kenderaan sendiri dan perbelanjaan akan di-bayar bales kepada semua penuntut yang dapat menunjukkan tuntutan yang betul.

Yang Dimulihkan Pehin Datu Laila Didekan berkata, sa-bagai permulaan ia-nya akan mempunyai antara 400 hingga 500 orang penuntut di-pusat itu dan ini bergantung kepada keputusan peperiksaan tersebut. Ranchangan ini ia-lah untuk mengurangkan jumlah itu kepada 250 atau 300 orang, kerana pehak Jabatan Pelajaran menyedari bahawa untuk melatoh terlalu ramai graduate ada-lah sama baha-

Persatuan Pengakap Daerah

TEMBURONG. — Persatuan Pengakap bagi Daerah Temburong telah di-tubuhkan baru2 ini ia-itu merupakan satu lagi cabang Persekutuan Pengakap di-negeri ini.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamed Yus bin Haji Mohamed Hussain

telah di-lantek sa-bagai Yang Dipertua Persekutuan itu dan Dr. S. Sitamdam di-pilih sa-bagai Naib Yang Dipertua.

Lain2 anggota yang di-pilih ia-lah, Awang Mohamed Said bin Zakaria sa-bagai Pengerusi Tetap, Awang Masni bin Haji Mohamed Hussain sa-bagai Pesuruhjaya Pengakap Daerah dan Penolong-nya Awang Mohamed Zain bin Salleh.

Pemimpin Pengakap Daerah Awang Haji Aliahmad bin Timbang, Setia Usaha Awang Umar bin Adis, Bendahari Awang Ang Peng Hoi, Juru2 Odit terdiri dari Awang Mohamed Aliddin bin Kura dan Yang Dimulihkan Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abdul Rahman bin Akim.

Persatuan Pengakap Daerah Temburong pada masa ini mempunyai ahli sa-ramai kira2 50 orang terdiri dari penuntut2 Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan dan Sekolah Persediaan Inggeris Bangar.

Pasokan Pengakap Rover terdiri dari sa-ramai 30 orang beliau2 di-Daerah Temburong telah juga di-tubuhkan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1hb. Januari, 1975 hingga ka-hari Selasa 7hb. Januari, 1975 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
1hb. Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29
2hb. Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29
3hb. Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29
4hb. Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29
5hb. Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29
6hb. Jan.	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31
7hb. Jan.	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

TITAH PERUTUSAN TAHUN BARU KEBAWAH D.Y.M.M.

BETA bersukor kehadarat Allah Subhanahu-Wata-ala kerana dengan limpah kornia dan petunjuk Allah jua kita telah mendapat kejayaan melalui dan menempoh tahun 1974 dan dengan keadaan yang di-chapai, kita dengan penuh semangat dan keyakinan, memasuki pula tahun baharu 1975. Selawat dan salam Beta tujuhan kepada Junjongan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam, sahabat2 dan kerabat2 serta pengikut2 Baginda yang ta'at setia lagi juhor.

Tahun 1974 yang baru lalu telah memperlihatkan kepada kita berbagai2 kejadian yang mana akan menjadi pengalaman yang boleh di-jadikan pedoman pada menghadapi dan mengatasi masalah2 kehidupan kita di-waktu2 yang akan datang. Beta sesungguhnya gembira kerana Negeri Brunei Darus Salam telah dapat, berkat usaha giat Kerajaan Beta dan juga persefahaman serta kerjasama raayat Beta dan penduduk negeri ini, menghadapi berbagai2 ancaman dan chabaran terutama-nya keadaan2 asing bagi kita yang di-datangkan dari luar negeri. Berkat usaha dan tenaga semua pehak yang berkenaan dan dengan izin Allah jua, kemewahan hidup raayat dan penduduk-nya tanpa menyalami kesukaran2 yang berlebehan2an. Kejayaan kita ini sungguh pun barangkali kita tidak begitu menyedari atau hanya di-ananggap kejadian yang sudah semesti-nya, adalah sebenar-nya matalamat dan sasaran yang di-idam2-kan oleh negeri2 lain.

Beta sukachita bahawa kita sudah mempunyai asas untuk menentukan kejayaan kita dalam menempoh tahun 1975 yang mana Beta perchaya akan memperlihatkan kepada kita rupa bentuk masalah2 yang akan kita hadapi beberapa tahun yang akan datang ini. Sa-bagaimana yang dimaklomi oleh semua pehak

bahawa Negeri Brunei akan melaksanakan Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang baru. Beta yakin bahawa dengan semangat dan kemahuan kita di-perkukuhkan dan diperhebatkan, Insha Allah, usaha kita bersama di-antara raayat dengan Kerajaan Beta, akan pasti mendatangkan hasil yang chemerlang. Di-sa'at yang berbahagia ini, Beta ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada semua raayat Beta yang di-kasehi dan penduduk Negeri Brunei Darus Salam ini supaya terus menerus memberikan kerjasama seponoh-nya kepada Kerajaan Beta untuk membangun dan memajukan negeri ini serta memperkukuhkan keselamatan-nya.

Beta sukachita untuk menyampaikan terima kasih dan penghargaan Beta kepada anggota2 keselamatan dari pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, pasokan Polis Diraja Brunei dan pasokan tentera Paduka Seri Baginda Queen yang telah tidak putus2 berusaha dalam bidang2 keselamatan. Beta berharap semoga pehak2 yang berkenaan ini akan sentiasa menumpukan minat dan usaha pada mempertahankan Negeri Brunei Darus Salam kita ini. Beta juga menguchapkan setinggi2 terima kasih kepada semua Pegawai2 Kerajaan Beta dan raayat Beta yang di-kasehi sekalian serta penduduk Negeri Brunei kerana memberikan segala kerjasama dalam bidang masing2 sepanjang tahun.

Beta bersama2 dengan keluarga beta pada hari yang berbahagia ini sukachita menguchapkan selamat menyambut tahun baharu kepada semua raayat beta dan penduduk Negeri Brunei Darus Salam. Semoga Allah akan memberkati kita semua dalam usaha2 kita yang berkebakikan dan di-redzai-nya pada tahun baharu ini dan tahun2 yang akan datang.

MATA WANG BRUNEI KUKOH — PEHIN JOHN LEE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Awang John Lee berkata mata wang

Brunei dalam tahun 1974 berterusan dalam keadaan stabil dan tara dalam emas maseh lagi belum di-tukar.

Yang Berhormat berkata

demikian ketika membentangkan usul Peruntukan Perbelanjaan Negara bagi tahun 1975 dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada hari Selesa minggu lalu.

Peruntukan tahun ini penting untuk melichinkan pentadbiran Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin mensifatkan peruntukkan tahun 1975 ini sa-bagai amat penting untuk melichinkan lagi pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Beruchap ketika menyukong rang undang2 perbelanjaan 1975, beliau berkata, di-bawah tajok Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-mana termasuk undang2 mengenai perangkaan yang menghendaki sa-orang ketua Pegawai Perangkaan bagi menunaikan kehendak2 perangkaan di-negeri ini.

Yang Berhormat tu juga menyentoh mengenai Jabatan Penyiaran dan Penerangan yang akan di-pechahkan menjadi dua jabatan-nya yang berasingan.

Kata-nya, Bahagian Penerangan akan di-letakkan di-bawah Pejabat Setia Usaha Kerajaan yang akan di-ketuai oleh sa-orang Ketua Penerangan.

Mengenai Jabatan Radio dan TV, maka satu unit khas telah di-sediakan peruntukan-nya pada awal tahun 1975 ini. Dengan itu nama jawatan Pengarah Penyiaran dan Penerangan di-tiadakan dan di-ganti dengan Pengawal Radio dan TV, sementara Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan di-sesuaiakan dengan nama jawatan Penu-long Pengawal Radio.

Yang Berhormat itu berharap untuk memperkesakan lagi sibaran am Kerajaan ada-lah perlu seperti akhbar rasmi Kerajaan Pelita Brunei di-beri peruntukkan menjadi 400 ringgit supaya akhbar itu dapat di-perbesarkan penyibaran-nya serta di-perbaiki mutu-nya.

Jadi menyentoh mengenai penanaman padi, Yang Berhormat tu perchaya bahawa peruntukan kerana itu telah pun di-sediakan yang juga meliputi perkara2 mengenai hal ehwal pertanian. Ranchangan kemaiuan penanaman padi di-tambah peruntukkan-nya pada tahun ini dari 100 ribu ringgit kepada 175 ribu ringgit demikian juga ranchangan2 bantuan baja dan penchegeh mu-soh untuk tiga musim penanaman padi tahun lalu ber-

jumlah 45 ribu ringgit dan sekarang di-tambah menjadi 250 ribu ringgit.

Berhubung dengan peratoran2 mengenai dengan lantikan penghulu2 dan ketua2 kampung, maka jawatan2 ketua kampung tingkatan satu telah di-sediakan dalam peruntukan tahun 1975 ini. Di-Daerah Brunei Muara di-sediakan sa-banyak 94 jawatan, Daerah Belait 10 jawatan dan Daerah Tutong sa-banyak 22 jawatan.

Menyentoh mengenai peruntukan di-Jabatan Pelajaran, beliau berkata untuk memenuhi keperluan2 di-Jabatan Pelajaran maka pegawai2-nya di-tambah lagi 323 orang menjadikan jumlah-nya sa-ramai 3,112 orang pada tahun 1975.

Sekolah berasrama penoh untuk menyediakan chatuan makanan dan lain2 keperluan berjumlah \$2½ juta; peralatan sekolah berjumlah lebih sa-juta ringgit, mengangkat murid2 sekolah dengan bas dan outboard sa-banyak satu juta ringgit. Ranchangan makanan sekolah2 terutama sekolah2 di-luar bandar berjumlah lebih tiga juta ringgit. Pelajaran dewasa untuk membayar alangan guru2 berjumlah 442,000 ringgit, dermasiswa untuk menghantar anak2 Brunei melanjutkan pelajaran ka-sebarang laut bagi tahun 1975 berjumlah \$6 juta.

Pusat Tingkatan VI buat pertama kali-nya di-tubuhkan di-Brunei di-sediakan peruntukan sa-banyak \$126 ribu untuk membeli keperluan alat2 pejabat, alat2 sains dan ilmu alam.

Pindek kata, tegas beliau untuk mengendalikakan perkembangan2 di-Jabatan Pelajaran bagi tahun 1975 berjumlah lebih \$45 juta ia-itu berbanding pada tahun 1974 berjumlah \$33 juta.

Jadi-nya untuk memenuhi keperluan pelajaran bagi raayat Brunei bagi tahun 1975 Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan sa-banyak \$45 juta dan sa-chara tidak langsung wang sa-banyak itu di-berikan dengan perchuma.

Ini-lah satu keistimewaan yang di-nikmati oleh raayat Brunei di-bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

(Lihat muka 5)

Ketika mengemukakan rang undang2 tersebut Yang Berhormat berkata bahawa anggaran belanjaan kemajuan bagi tahun ini ada-lah untuk memenuhi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ia-itu untuk membuat apa2 juga kemajuan yang di-chapai oleh negeri ini.

Beliau berkata dalam krisis ekonomi yang di-chapai oleh kebanyakan negara sekarang, Brunei tetap dalam usaha2-nya untuk membuat kemajuan seperti yang di-ranchangkan dengan itu juga memberikan perkhidmatan2 moden dan kemudahan2 tanpa sebarang pembayaran kepada orang ramai.

Yang Berhormat juga menegaskan bahawa satu perkara yang mustahak lagi ia-itu penubuhan sa-buah shariat penerbangan kebangsaan yang akan di-kenali sa-bagai Shariat Penerbangan Diraja Brunei Berhad.

MODAL \$100 JUTA

Sharikat ini akan di-punyai seponoh-nya oleh Kerajaan dan mempunyai modal yang di-benarkan sa-banyak \$100 juta.

Beliau menegaskan bahawa peruntukan telah pun di-buat untuk membeli dua buah kapal terbang jenis Boeing 737 yang paling baru dan shariat itu akan memulakan perkhidmatan-nya dalam tahun ini.

Pegawai Kewangan Negara menerangkan bahawa dua buah jabatan baru telah dibentuk dan dua buah lagi telah di-susun semula.

Jabatan baru itu ia-lah Jabatan Kemajuan Sharikat Kerjasama untuk menjaga, mengawal dan mengasoh shariat kerjasama dan Jabatan kedua ia-lah Jabatan Pelabohan2 untuk menjamin satu kesempurnaan dalam menjalankan pelabohan baru di-Muara dan juga untuk mengawal dermaga2 di-Kuala Belait dan di-Bandar Seri Begawan.

Sa-buah jabatan yang dahulu-nya di-kenali sa-bagai Jabatan Kebajikan telah di-perbesarkan dan sekarang di-kenali sa-bagai Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.

Penyusun semula jabatan itu ada-lah menyedari tentang hajat Kerajaan dalam menggalakan dan perkembangan pergerakan2 belia dan juga kehendak2 menganjor dan membantu kelab2 belia dan juga pergerakan belia.



Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohd. Yunus, Dato Paduka Awang Haji Ali Khan dan Awang Haji Mohd. Ali bergambar bersama2 dengan pasukan pengakap dari Maktab SOAS (gambar atas kiri).

Yang Dipertua Persatuan Budak2 Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud ketika menyampaikan ucapan alu2an di-Pembukaan Rasmi Perkhemahan tersebut (gambar atas kanan).

Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M., Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa ketika di-perkenalkan kepada pemimpin2 pengakap oleh Awang Haji Mohd. Ali. Kelihatan mengikuti di-belakang ia-lah Dato Paduka Awang Haji Ali Khan (gambar kanan).

PERKHEMAHAN Pengakap Sa-nege-ri telah di-adakan di-Karangan di-Daerah Temburong mulai 24hb. Disember hingga 31hb. Disember yang lalu.

Perkhemahan sa-lama sa-minggu itu ada-lah merupakan kali pertama di-adakan di-Daerah Temburong. Lebih dari 400 orang pengakap dari seluruh negeri telah mengambil bahagian dalam perkhemahan tersebut.

Perkhemahan tersebut telah di-ras-

mikan oleh Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Ibrahim pada 26hb. Disember.

Sa-masa perkhemahan berbagai2 aktiviti2 dan peraduan2 telah di-adakan. Unggun api juga telah di-adakan dalam mana berbagai2 acara persembahan dari pengakap2 yang mengambil baha-gain dalam perkhemahan tersebut.

Lebeh positif

(Dari muka 1)

yang lebeh positif dalam kegiatan masyarakat hari ini.

Setiba-nya di-kawasan per-khemahan di-Karangan, Yang Teramat Berhormat telah di-sambut oleh Pesuruhjaya Pengakap Negara, Dato Paduka Haji Awang Ali Khan bin Abdul Khan, Yang Dipertua Persatuan Budak2 Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Ali bin Haji Mohammad Daud, Pegawai Daerah Temburong, Awang Yunus bin Mohammad Hussain dan para jemputan khas serta pegawai2 dan pemimpin2 pengakap.

Perkhemahan yang berlangsung sa-lama sa-minggu itu telah berakhir semalam.



Rombongan Pandu Puteri dari Bandar Seri Begawan ketika melawat perkhemahan tersebut.

Kehidupan raayat sentiasa terjamin

(Dari muka 4)

Dalam menyukong usol yang sama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar antara lain berkata bahawa peruntukkan yang berjumlah lebeh \$460 juta itu merupakan satu peruntukkan yang terbesar bagi Brunei.

Yang Berhormat itu menegaskan, jika di-tinjau dari per-

untukkan negeri2 lain yang mempunyai penduduk lebeh ramai dari Brunei, maka peruntukkan kewangan Brunei ada-lah lebeh tinggi lebeh2 lagi Brunei tidak mengenakan cukai pendapatan kepada raayat untuk melaksanakan satu2 projek2 untuk pembangunan-nya.

Ini-lah satu keistimewaan yang di-nikmati oleh raayat dan penduduk Brunei di-mana kehidupan mereka ada-lah sentiasa terjamin.

Yang Berhormat berkata, kemudahan2 pelajaran, perkhidmatan kebajikan dan rawatan perubatan perkhuma serta lain2 aspek keperluan ada-lah di-bantu oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang meletakkan raayat di-negeri ini berada dalam keadaan mewah yang sukar di-tandingi oleh negara2 lain di-rantau sa-belah sini.

Beberapa orang ahli telah juga turut berucap untuk menyukong rang undang2 tersebut.



Pengakap dari pasukan Maktab SOAS sedang membina tiang bendera dalam salah satu peraduan sa-masa perkhemahan itu.

Saudara baru dalam Islam

KG. RAMPAYOH. — Satu majlis pengislaman sa-chara beramai2 telah di-adakan pada minggu lalu di-rumah Awang L'n Kiang Beng Kampong Rampayoh, Ulu Belait di-hadapan Imam Mesjid Mukim Labi, Awang Haji Ahmad bin Metussin dengan di-saksikan oleh beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan penduduk2 kampung tersebut.

Keluarga2 baru yang memeluk Ugama Islam itu ialah Awang Lin Kiang Beng sendiri yang memilih nama Islam-nya sa-bagai Awang Md. Salim bin Abdullah dan isteri beliau Dayang Sediah binte Bungsu yang memilih nama Islam-nya sa-bagai Dayang Sediah binte Abdullah dan anak-nya Awang Lim La Ng Seng yang sekarang di-kenali sa-bagai Awang Md. Hashri bin Md. Salim.

Sementara Awang L a u Meng telah memilih nama Islam-nya sa-bagai Awang

J/K S.M. Datu Gandi

DATUN GANDI. — Guru2 dan penduduk2 Kampung Pelambayan dan kampung2 yang berdekatan telah mengadakan mesuarat bertempat di-Dewan Seko'ah Melayu Dato Gandi pada minggu lalu, untuk melantik jawatankuasa sekolah itu bagi tahun 1975.

Mesuarat itu di-pengerusikan oleh Awang Abdul Wahab bin Haji Nayan, Guru Besar sekolah itu.

Awang Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Haji Zainal di-lantik sa-bagai pengerusi, Timbalan Pengerusi, Awang Abdul Wahab bin Haji Nayan, Setia Usaha, Awang Mohd. Yusof bin Perak, Timbalan Setia Usaha, Awang Morshid bin Abdul Kahar, penyalin wang, Awang Abdul Wahab bin Haji Nayan sementara pemereksa kira2 Awang Metussin bin Haji Tahir dan Awang Mohammad bin Haji Zainal.

Mesuarat itu juga melantik beberapa orang ahli jawatankuasa kampung.

Kursus lanjutan Ilmu Fikih

(Dari Muka 2)

dengan mengadakan satu kursus lanjutan yang di-namakan Kursus Lanjutan (Ilmu Fikih) bagi Guru2 Ugama Maktab Perguruan Seri Begawan. Persatuan2 mengenai dengan kursus lanjutan itu telah pun di-perkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Di-dalam peraturan itu ada menyediakan peruntukkan2 yang di-antara lain mengandungi perkara2 berikut: —

i) Tujuan kursus lanjutan itu ialah bagi membolehkan Guru2 Ugama mendalami dengan lebih luas dan tinggi dalam chawangan2 ilmu fikih dan apabila mereka tamat dalam kursus lanjutan (Ilmu Fikih) itu mereka akan berkebolehan menghadapi perkara2 yang lebih besar dalam ilmu fikih atau Guru2 yang profesion-nya akan tertumpu dalam jurusan itu.

ii) Kursus ini akan berjalan selama satu tahun sa-penoh masa sa-chara lathan dalam perkhidmatan (in service training).

iii) Mata pelajaran-nya ia-lah ilmu fikih seluruh-nya dengan menggunakan kitab Matla' Al-Badrain sa-bagai asas text.

Md. Supian bin Md. Salim dan isteri-nya Dayang Tik Boi binte Alim yang memilih nama Islam-nya sa-bagai Dayang Rukiah binte Abdullah serta tiga orang anak2 mereka yang masing2 memilih nama Islam mereka Dayang Norashikin binte Md. Supian, Dayang Norhayati binte Md. Supian dan Awang Md. Hazmi bin Md. Supian.

Keluarga2 tersebut telah di-hadiahkan kitab2 ugama, sapangadak pakaian, sejadah dan wang tunai sa-bagai hadiah biasa. Sa-lain dari itu keluarga Awang Supian juga telah menerima wang tunai sabahagian dari ansaf yang berbakat menerima-nya ia-itu kumpulan wang zakat dan fitrah dari mailis ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Turut hadir di-mailis itu ia-lah Pemangku Kadzi Daerah Belait, Awang Metussin bin Baki, Pencheulu Mukim Labi, Orang Kaya Setia Awang Razali bin Md. Yusof, pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan penduduk2 kampung tersebut.

Mailis itu juga telah di-raikan dengan persembahan zikir Brunei dan nukolan hadzrah dari penduduk2 kampung tersebut.

Sementara itu mailis pengislaman sa-ramai 27 orang puak Iban dari empat keluarga juga telah di-dakan di-Mesjid Utama Mohamed Salleh Pekan Bangar. Temburong pada hari Sabtu lalu.

Satu keluarga ia-lah dari Kampung Semabat dan yang lain dari Kampung Sibut.

Majlis itu di-adakan di-hadapan Kadzi Daerah Temburong, Awang Haji Ishak bin Adam dengan di-saksikan oleh pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dan penduduk2 kampung.

iv) Kursus ini akan bertempat di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

v) Guru2 yang lulus dalam peperiksaan sa-telah menjalani latihan sa-lama satu tahun itu akan di-beri dua kenaikan gaji sa-lain dari kenaikan tahunan yang mereka terima pada waktu mereka lulus dengan tidak mengubah tarikh kenaikan gaji masing2.

Dan Insha Allah kursus lanjutan tersebut akan di-mulakan pada penggal pertama persekolahan 1975.

Pengulin

Akhir-nya kita sedang dalam suasana pembangunan dan perkembangan, pembangunan akan membawa perubahan dan boleh jadi akan merubah pandangan2 dan nilai2 hidup yang di-bawa bersama oleh pembangunan itu, tetapi semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan menetapkan pegangan kita dan kepercayaan kita kepada Allah dan semoga Maktab Perguruan Ugama ini akan menjadi salah satu kubu yang kuat pada mempertahankan nilai2 hidup menurut ajaran2 Allah dan ia akan terus menjadi pengulin kepada lahir-nya manusia2 pembangun yang berpegang tegoh kepada ajaran2 Allah. Amin!

KAMPONG2 PENDALAMAN DI-DAERAH TEMBURONG AKAN MENDAPAT BEKALAN LETRIK

TEMBURONG. — Kampung Buda2 dan Belais di-Daerah Temburong akan mendapat bekalan letrik apabila kerja2 pemasangan kabel dan wayar letrik baru selesai nanti.

Juruchakap bagi Jabatan Letrik menyatakan bahawa mereka yang ingin rumah2 mereka di-perbekalkan dengan bekalan letrik hendak-lah menghantarkan permohonan ka-

pada jabatan tersebut dengan seberapa segera.

Kerja2 yang sama juga sedang di-jalankan dari Kampung Belais ka-Kampung Bakarut.

JAWATAN2 KOSONG

DI-JABATAN BANDARAN B.S.B.

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

A. MERINYU BANDARAN

Kelayakan2 dan pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang telah lulus Sijil Pelajaran Malaysia. Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam kerja2 kesihatan Bandaran boleh juga di-pertimbangkan.

Penyelenggara Setor

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan III di-Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Melayu dan Tingkatan II sekolah Inggeris atau sebanding, atau mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.3 — \$280x10-350/EB/360x10-410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menbertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 18hb. Februari, 1975.

Pegawai Kechil Teknik

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkecayaan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pegawai Kechil Teknik Jawatan Rendah Mekenik untuk Sekolah Pertukangan Bangunan, Jalan Muara, di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah terdiri dari mekenik2 kenderaan berjenjara yang berkecayaan dan berpengalaman dan mempunyai pengalaman perindustrian.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.3 — \$280x10-350/EB/360x10-410 Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalun yang berjaya yang bukan terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa percutian sa-lama enam bulan. Chalun yang ber-

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$290x10-350x15-440-490 x25-615/EB/670x20-790.

B. PEMEREKSA BANGUNAN:

Kelayakan2 dan pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah VII Sekolah Melayu serta mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya tiga tahun dalam pekerjaan pemeliharaan bangunan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4 — \$290x10-350x15-440-490 x25-615/EB/670x20-790.

C. PENGAWAS TINGKATAN II:

Kelayakan2 dan pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Persekolahan Sebarang Laut atau yang sebanding dengan-nya;
- Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam kerja2 Kesihatan Bandaran akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 — \$490x25-615.

D. PENGAWAS KECHIL:

Kelayakan2 dan pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah pelajaran atau yang sebanding dengan-nya.
- Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah tetapi mempunyai pengalaman mengawas dan mengawal pekerja2 buroh akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — \$280x10-350/EB/360x10-410.

Sa-bagai Pengarang di-J.H.E.U.

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pengarang di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu yang beragama

Islam dan telah lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sebanding dengan-ya serta mempunyai pengalaman dalam kerja karang mengarang dan mempunyai latar belakang pendidikan pengetahuan Ugama Islam serta tahu membaca, menulis dan menaip jawi.

ATAU

Pegawai2 Kerajaan yang terdiri dari orang2 Melayu yang beragama Islam yang telah berkhidmat tidak kurang dari 8 tahun serta mempunyai kechendorongan dalam kerja2 karang mengarang dan mempunyai latar belakang pendidikan pengetahuan Ugama Islam serta tahu membaca, menulis dan menaip jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — \$840x30-960x40-1120.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb. Februari, 1975.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Juruteknik Makmal Perchubaaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi jawatan sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalun2 untuk di-lantek di-bawah sekim ini hendak-lah sudah mencapai umur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun. Mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.
- Mereka hendak-lah lulus G.C.E. atau Sijil Persekolahan Seberang Laut.
- Ketutamaan akan di-beri kepada mereka yang mendapat kepujian dalam Sains dan/atau Ilmu Hisab.

Tingkatan Gaji:

- Juruteknik Makmal Perchubaaan
- M. 3 - \$310x10-370x15-460.
 - Juruteknik Makmal Terlateh
 - M. 4 EB. 5 — \$510x25-635/EB/690x20-810.
 - Juruteknik Makmal Kanan
 - M. 8 — \$860x30-980x40-1140.
 - Ketua Juruteknik Makmal
 - M. 9 EB. 10 — \$1180x40-1340/EB/1380x40-1540.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama tiga tahun sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaaan dan akan di-hantar ka-seberang laut bagi menjalankan lantehan.

Juruteknik2 Makmal Perchubaaan akan di-kehendaki lulus semua pepereksaan semasa mereka menjalani lantehan dalam tempoh perchubaaan mereka.

Juruteknik2 Makmal Perchubaaan yang:

- telah lulus pepereksaan akhir, dan
- di-sokong oleh Ketua Jabatan mereka akan layak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aakuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb. Februari, 1975.

Sa-bagai Pegawai Gigi

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk di-lantek ka-jawatan Pegawai Gigi di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai salah satu daripada kelulusan2 yang berikut:

- L.D.S./B.D.S. (Singapura) atau
- B.D.S. (Malaya) atau
- Sebarang ijazah, diploma atau lesen yang di-iktirafkan sa-bagai membolehkan ia di-daftarkan oleh General Dental Council di-United Kingdom.

Pengalaman:

Chalun2 mesti-lah mempunyai beberapa tahun pengalaman. Mempunyai pengalaman dalam Perkhidmatan Rawatan Gigi ka-sekolah2 ada-lah merupakan satu kelebihan. Semua butir2 mengenai kerja2 lantehan (post graduate work) hendak-lah di-sebutkan semasa memohon.

Tugas2:

Tugas2 termasuk-lah memberi rawatan di-Sekolah2 rumah2 sakit serta kelinik2 gigi bergerak.

Gaji:

Dalam sukatan gaji M. 16 — Brunei \$1850x50-2150x60-2570. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SA-BAGAI PEGAWAI PERUBATAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 Pegawai Perubatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Ada beberapa jawatan untuk Pegawai2 Perubatan Wanita.

Kelayakan:

Pemegang ijazah, diploma atau lesen yang di-iktiraf sa-bagai membolehkan pemegang-nya di-daftarkan oleh General Council of Medical Education and Registration di-United Kingdom. Pertimbangan khas akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pe-

ngalaman dalam jurusan2 khas bagi pemohon2 Wanita dalam jurusan Obstetrics and Gynaecology.

Tugas2:

Menjalankan tugas2 perubatan am semua bahagian sebagaimana yang di-kehendaki oleh Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan. Pegawai2 Perubatan Wanita akan merawat hanya pesakit wanita dan kanak2 sa-takat mana yang boleh.

Gaji:

Dalam sukatan gaji M. 16 — Brunei \$1850x50-2150x60-2570.

Sa-bagai Penterjemah Kanan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Penterjemah Kanan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sa-banding dengan-ya dengan mendapat kepujian (credit) dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dalam kerja2 penterjemah.
- Boleh membacah dan menuliskan jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C. 2 — \$840x30-960x40-1120. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama enam bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-perjawatan tetap sa-lepas menjalani satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 25% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sa-seorang yang sedang berkhid-

mat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan2 surat2 aakuan dan sijil2 berserta dua keping gambar (berukuran sa-paroh post-kad) tidak lewat dari 3hb. Februari, 1975.

DI-JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3 — \$290x10-350x15-440/EB/490x25-615.

D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$290x10-350x15 - 440-490x25 - 615/EB/670x20-790-820x20-880.

6. PENJALAN MESIN CHETAK OPSET:

- Pemohon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman mengenai berbagai jenis mesin chetak opset. Kebolehan mengendalikannya mesin opset 2 warna merupakan suatu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$490x25-615/EB/670x20-790.

- Pemohon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman mengenai berbagai jenis mesin chetak opset. Kebolehan mengendalikannya mesin opset 2 warna merupakan suatu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3 — \$290x10-350x15-440/EB/490x25-615.

7. PENJALAN KAMERA MEMPEROSES:

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman yang luas dalam semua aspek kerja2 menggambar; kebolehan membuat kerja2 mengasingkan warna ada-lah suatu kelebihan. Mesti-lah mempunyai kebolehan untuk menjadi ketua yang bertanggung-jawab untuk Bahagian Memproses.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$490x25-615/EB/670x20-790.

8. PEMBANTU BILEK GELAP DAN BILEK PEROSES:

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman sa-lama 3 tahun dalam kerja2 mengot gambar dan semua2 kerja2 lain yang berkaitan di-bahagian memproses.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1 EB 2 — \$290x10-340/EB/350x15-440.

9. PEMBUAT PELIT:

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman yang baik dalam kerja2 membuat pelit mesin chetak opset sa-lain daripada membantu membuat kerja2 di-Bahagian Memproses.

Saman / Bailip

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Penghantar Saman/Bailip Mahkamah di-Jabatan Kehakiman, Seria Brunei.

Kelayakan2 dan pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI Melayu dan Darjah IV Inggeris. Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi telah berkhidmat sekurang2-nya 5 tahun sa-bagai pelayan atau posman di-dalam Perkhidmatan Kerajaan akan juga di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — \$280x10-350/EB/360x10-410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 31hb. Januari, 1975.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3 — \$290x10-350x15-440/EB/490x25-615.

10. POMEN JILID:

Pemohon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman bekerja di-Bahagian Menjilid dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang berbagai jenis mesin menjilid.

Umur 35 — 40 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2 EB. 3 — \$290x10-350x15-440/EB/490x25-615.

11. PEMBANTU JILID:

Pemohon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam kerja2 menjilid buku dan lain2 kerja perchetakan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1 — \$240x5-255.

12. TUKANG POTONG KERTAS:

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman sa-lama 3 tahun dalam kerja2 memotong bermacham2 buku dan bahan2 perchetakan.

Umur, sa-baik-nya 25-30 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — \$280x10-350/EB/360x10-410.

13. SETYELENGGARA SENYER TINGKAT II:

Pemohon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam kerja2 menjaga dan mentadbir setor. Pengetahuan mengenai mutu2 kertas dan beratnya merupakan suatu kelebihan.

Umur sa-baik-nya 35 — 45 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 2 EB. 3 — \$350x15-440/EB/490x25-615.

Gaji permulaan bagi jawatan2 yang tersebut di atas bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan2 surat2 aakuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb. Januari, 1975.

**Menderma-lah
Kepada Tabong
Pembinaan
Stadium**

Peraduan berbalas pantun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Latahan Kesenian buat pertama kali-nya akan menganjurkan peraduan berbalas pantun terbuka kepada penuntut2 di-Sekolah2 Menengah, Maktab2 dan kepada semua penuntut2 sekolah bukan Kerajaan dari semua tingkatan di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap di-Jabatan Pelajaran berkata, sa-tiap peserta di-galakkan mengemukakan pantun2 yang mencherminakan Negeri Brunei seperti usaha2 pembangunan, pendidikan, sosial dan yang berunsur jenaka.

Tiap2 pasukan mengandungi tiga orang dan sa-orang simpanan.

Borag2 bagi memasoki peraduan itu akan di-kirim kepada semua sekolah2 dan tarikh tutup ia-lah pada 10hb. Februari, 1975.



Pengiran Hitam bin Pengiran Burut ketika mengangkat sumpah sa-jurus sa-belum beliau di-bebaskan pada hari Jumaat lalu.

LAGI EMPAT ORANG TAHANAN DI-BEBASKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang lagi tahanan yang di-tahan sejak tahun 1962 kerana terlibat dalam pemberontakan yang gagal di-Brunei telah di-bebaskan pada minggu lalu.

Awang Balan anak Sugan dari Kampong Parit Daerah Temburong telah di-bebaskan pada 24hb. Disember sementara tiga orang lagi ia-itu Awang Misir bin Keruddin dari Temburong, Awang Abdul Hamid bin Mohammad dari Kampong Sungai Hanching dan Pengiran Hitam bin Pengiran Burut dari Kampong Delima Dua telah di-bebaskan pada 27hb. Disember, 1974.

Dengan pembebasan empat orang itu menjadikan tujuh orang tahanan telah di-bebaskan pada tahun lalu sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam bulan September tahun lalu.

Sa-jurus sa-belum di-bebaskan, Awang Balan telah mengangkat sumpah di-Gereja Saint Andrews manakala Awang Misir, Awang Abdul Hamid dan Pengiran Hitam mengangkat sumpah di-Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Ke-empat2 orang bekas tahanan itu dalam sumpah mereka telah berikrar untuk menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan memberikan kerjasama seponoh-nya dengan Kerajaan dalam melaksanakan usaha2 bagi mengawal keamanan, keselamatan dan menchehag anasir2 jahat terhadap Kerajaan.

Sa-belum di-bebaskan ke-empat2 orang bekas tahanan itu telah menjalani kursus pemuliharaan selama tiga minggu bagi membolehkan mereka dengan mudah menyesuaikan diri dalam penghidupan baru.

Sa-masa kursus, mereka juga di-beri sharahan mengenai perkembangan dan kemajuan yang di-chapai oleh Negeri Brunei sejak tahun 1962 dan di-bawa melawat ka-beberapa projek kema-juan.

Ka-empat2 orang yang sekarang telah bersatu dengan keluarga masing2 itu, merasa kagum dengan kemajuan2 besar yang di-chapai oleh negeri ini dalam masa 12 tahun kebelakangan ini.

Awang Balan, yang menjadi sa-orang petani sa-belum tahun 1962, telah terlatih sa-bagai sa-orang mekanik semasa di-tahan di-khemahan tahanan dan berharap akan mendapat suatu pekerjaan di-workshop di-Temburong.

Ketiga2 orang lain-nya akan kembali berchuchok tanam.

Awang Balan, yang terlibat dalam serangan pemberontakan kakas balai polis Banger pada 8hb.

Disember tahun 1962, ketika ditangkap di-tuduh bersubhat dalam pembunuhan Pegawai Daerah Temburong dan tuduhan itu terus di-nafikan-nya. Dia kemudian bebas dari dakwaan apabila kedua2 lelaki yang bertanggungjawab pembunuhan itu mengakui kesalahan mereka. Dia tidak berada di-tempat kejadian itu samasa kejadian berlaku.

Awang Balan tidak pernah memasoki sebarang sekolah dan walaupun pada masa ini telah boleh membaca dan menulis, tetapi maseh buta huruf ketika memasoki Partai Raayat Brunei, bersama2 dengan puak2 Murut lain-nya dari Kampong Parit. Kata-nya mereka telah diberikan jaminan tanah apabila partai, yang sekarang telah di-haramkan sejak terchetus-nya pemberontakan itu, memegang kuasa.

Awang Balan memasoki Tentera Nasional Kalimantan Utara, TNKU, 4 bulan sa-belum pemberontakan dan walaupun buta huruf, telah di-lante sa-bagai Lieutnant oleh Yassin Affendy, salah sa-orang dari pemimpin pemberontakan itu.

Walaupun telah di-tahan selama 12 tahun di-khemahan Tahanan, Awang Balan tidak mempunyai sebarang rasa sakit hati terhadap Kerajaan Brunei tetapi mempunyai rasa kesal kepada Yassin dan pemimpin2 lain-nya yang menyebabkan dia dan beberapa orang lain yang tidak berpengetahuan yang mengakibatkan mereka tersesat dengan janji2 palsu.

Kata-nya beliau akan terus bekerjasama seponoh-nya dengan Kerajaan.

Awang Abdul Hamid memasoki PRB dalam tahun 1956, menjadi setiausaha chawangan Lumapas dalam tahun 1960 dan Presiden dalam tahun 1962. Beliau di-lante sa-bagai ahli Majlis Meshuarat Daerah dalam tahun 1962.

Abdul Hamid mengaku terpengaruh dengan Azahari, pemimpin PRB dan pemberontakan yang menjadikannya sa-orang anggota jawatankuasa perancang TNKU.

Apabila pemberontakan itu meletus, beliau ada-lah sa-orang Pemerintah TNKU di-Daerah Belait dengan Pangkat Lieutnant Colonel, dan mengambil bahagian dalam serangan2 Balai2 Pulis Seria dan Kuala Belait dan lapangan terbang Anduki.

Apabila pasukan askar British mendarat, beliau telah melarikan diri ke-dalam hutan dan di-tangkap di-Limbang pada 17hb. Disember 1962.

Abdul Hamid sa-chara jujur melahirkan rasa kesal-nya kerana terlibat dalam anasir2 jahat dan

telah lama insaf dari pengaruh Azahari. Beliau berkata, sedaya upaya dia akan menajuhkan keluarga-nya dari tersesat oleh anasir2 yang sama.

Awg. Misir bin Keruddin, berusia 50 tahun ada-lah sa-orang bekas anggota pulis dengan Pasukan Pulis Diraja Brunei. Beliau menyertai Partai Raayat Chawangan Temburong dalam tahun 1956, menjadi anggota TNKU dalam tahun 1960 dan ahli Majlis Meshuarat Negeri dalam tahun 1962.

Awg. Misir telah mengambil beberapa orang anggota TNKU di-Daerah Temburong, dan beberapa orang kemudian-nya di-hantar ka-Indonesia untuk menajalani lathahan.

Beliau telah menjadi Pemerintah TNKU bagi Daerah Brunei, Muara dan Temburong sa-masa pemberontakan tetapi telah di-tawan bersama2 kumpulan Yassin Affendy di-Sungai Pelapah dalam bulan Mei 1962.

Yassin Affendy dan kumpulan-nya telah bersembunyi di-sebuah paya dan dengan berpindah dari satu tempat ka-satu tempat persembunyian menyebabkan rumit untuk di-tawan.

Walau pun Misir telah mengaku sa-chara tulus ikhlas terlibat dalam pemberontakan itu, beliau menerangkan bahawa dia telah terlepas dari pengaruh Azahari dan kumpulatan-nya dalam tahun 1964 pada ketika itu beliau menyedari bahawa dia dan orang2 lain-nya telah gunakan sa-bagai patong semata2 demi kegilaaan kuasa Azahari. Beliau berkata: saya benar2 membenchi Azahari kerana memulakan pemberontakan dan kemudian bersembunyi di-luar negeri dengan selamat".

Beliau berikrar untuk bekerjasama dengan Kerajaan terutamanya sekali dalam menentang sebarang anasir2 subversif yang bertujuan menguchar kachirikan keamanan di-Brunei, khusus-nya propaganda2 dari luar negeri.

Pengiran Hitam memasoki PRB Temburong dalam tahun 1959. Dalam tahun 1960 beliau menghadiri Kongres Partai Raayat Malaya sa-bagai sa-orang pemerhati.

Dalam tahun 1962 semasa beliau menjadi ahli Majlis Meshuarat Daerah, Pengiran Hitam telah menjadi anggota TNKU di-Daerah Temburong. Beliau menjadi Kapitan dalam TNKU dalam bulan Nobember sa-jurus sa-belum terchetus-nya pemberontakan dan semasa kejadian itu berlaku beliau berada di-ibu pejabat TNKU di-Belaban di-mana beliau tidak berbuat sebarang tindakan penting. Beliau di-tangkap pada 26hb. Januari tahun 1963.

Umat Islam di-seru lengkapkan diri dgn ajaran2 Islam

KAMPONG KIUDANG. — Semangat Rancangan Kemajuan Negara yang baru sa-chara terus terang telah mengukir antara lain sa-bagai tujuan untuk terus maju ka-arrah Islam sa-bagai satu chara hidup yang tunggal dan lengkap bagi Negeri Brunei Darus Salam.

Bagi menuju ka-arrah itu, sa-tiap umat Islam di-negeri ini hendak-lah melengkapi diri dengan ajaran2 dan asas2 serta amalan agama yang maha suci dan terus membentok ka-arrah masharakat Islam yang sebenar-nya.

Ini telah di-tegaskan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar sa-masa merasmikan mesjid baru Kampong Kiudang pada hari Khamis lalu.

Yang Berhormat itu menyedari bahawa proses ka-arrah pembentokan masharakat yang di-maksudkan bukannya-lah satu perkara yang dapat di-lancharkan dalam sa-tahun dua, tetapi ia-nya memerlukan masa yang panjang dan melalui beberapa peringkat jenerasi.

Kata-nya, apa yang di-perlukan ia-lah supaya jenerasi yang ada pada masa ini akan terus meluaskan jalan yang te-

lah di-buka dan meninggikan ureh untuk jenerasi2 yang akan datang bagi mengikutinya.

Menyentuh mengenai dengan pembinaan mesjid tersebut, Yang Berhormat itu telah mendapat tahu bahawa mesjid tersebut di-bina atas usaha penat lelah pendudok2 Islam di-Kampong Kiudang dengan menyumbangkan tenaga dan wang ringgit.

Yang Berhormat itu melahirkan keyakinan bahawa usaha2 yang di-tunjukkan oleh pendudok2 Kampong Kiudang itu, ada-lah atas kesedaran mereka yang chintakan terhadap kesucian dan ketinggian agama Islam yang dianuti itu.

Beliau juga menyatakan usaha itu ada-lah merupakan satu usaha untuk meninggikan shi'ar Islam dan sangat bersesuaian dengan dasar untuk menjadikan Islam sa-bagai satu chara hidup yang lengkap seperti yang di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Kata-nya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan tetap meneruskan usaha2-nya dalam memberikan sumbangan sa-paroh dari perbelanjaan pembinaan mesjid di-kampong2 dalam negeri ini.

Pengerusi Pembinaan Mesjid itu, Awang Mohammad Taib bin Jaluddin dalam ucapan alu2an-nya telah menegaskan mesjid itu di-bina dengan melan belanj kira2 \$24,000.00 yang mana sa-paroh dari perbelanjaan itu adalah di-sumbangkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwah Agama.

Bagi pehak pendudok2 kampong itu, beliau berikrar akan menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda dan akan sentiasa memberikan kerjasama dalam apa jua perkara yang berkebakikan.

Turut juga berucap di-majlis itu ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Awang Yahya bin Haji Haris; Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwah Agama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan Kadz Daierah Tutong, Awang Haji Abdul Salam bin Abdul Razak.

Berkursus di-Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Hussain bin Ahmad, sa-orang penerbit filem dari Jabatan Radio dan Talivishen telah berlepas ka-Singapura pada 29hb. Disember yang lalu untuk menjalani kursus sa-lama sa-bulan di-Radio dan Talivishen Singapura.

Awang Hussain sa-orang anak tempatan, sa-belum ini pernah mengikuti kursus perfileman dan talivishen sa-lama lebeh empat tahun di-United Kingdom, di-mana beliau telah berjaya memperoleh diploma dalam penerbitan fiem dan TV.

Sa-masa berada di-Singapura beliau akan di-tempatkan di-Bahagian Berita RTS.

Bertolak pada hari yang sama ia-lah Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad dari Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka yang tidak lama lagi akan berkhidmat di-Jabatan Radio dan Talivishen sa-bagai ketua pereka bentok.

Pengiran Asmalee akan mengikuti kursus di-Bahagian Reka Bentok di-RTS.

Beliau juga pernah menghadiri kursus filem dan reka bentok grafik lebeh empat tahun di-United Kingdom.

**MENDERMA-LAH KAPADA
TABONG PEMBINAAN STADIUM**